KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	19.07.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JMG			

Pindah Orang Asli ke lokasi lebih baik

Kota Bharu: Penduduk Orang Asli yang terjejas akibat Projek Empangan Nenggiri di Gua Musang akan dipindahkan ke kawasan lebih baik.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob berkata, penempatan baharu mereka juga akan mempunyai kemudahan yang lebih baik.

"Kita sudah mengadakan sesi libat urus dengan penduduk Orang Asli sebanyak 30 kali, dan mereka juga boleh mengusahakan tanaman getah di kawasan baharu nanti," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh Abdul Rahman Yunus (Pas-Pasir Tumboh) mengenai apa faedah Projek Empangan Nenggiri kepada penduduk Orang Asli pada persidangan Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan, di sini, semalam.

Ahmad yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pasir Pekan ketika menjawab soalan Datuk Seri Md Alwi Che Ahmad (BN-Kok Lanas) berhubung harapan kerajaan negeri terhadap projek berkenaan, memaklumkan projek itu akan siap pada 2027.